



**Majlis Peguam  
Bar Council Malaysia**

[www.malaysianbar.org.my](http://www.malaysianbar.org.my)

Wisma Badan Peguam Malaysia  
2 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2050 2050  
Fax : +603-2050 2019  
Email : [council@malaysianbar.org.my](mailto:council@malaysianbar.org.my)

**Circular No 333/2023  
Dated 14 Nov 2023**

To Members of the Malaysian Bar

**Notice on Estate Duty Pursuant to Enakmen Duti Harta Pesaka 1941**

Members of the Bar are reminded to take note of the regulation relating to estate duty imposed on the estate of a person who passed on prior to 1 Nov 1991, pursuant to Enakmen Duti Harta Pesaka 1941.

The Administrator of the estate concerned is thus required to obtain the “Sijil Perakuan Bayaran” / “Sijil Perkecualian Bayaran Duti Harta Pesaka” (Form 12) from the Estate Duty Collector. Members are advised that it is a requirement to obtain Form 12 in order for a Grant of Probate or Letter of Administration (Surat Kuasa Mentadbir) to be issued by the High Court.

As regards the above-mentioned information, please be informed that the administration of Estate Duty in Peninsular Malaysia is under the purview of the Stamp Duty / Estate Duty / RPGT Division (Bahagian Duti Setem / Duti Harta Pesaka / CKHT) of the Tax Policy Department (Jabatan Dasar Percukaian) of the Inland Revenue Board of Malaysia (Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, “LHDNM”).

The letter issued by LHDNM dated 24 Oct 2023 can be viewed [here](#) (see pages 2 and 3).

Should you have any enquiries, please contact the following LHDNM officers:

- Siti Aminah bt Ismail (03-8313 8888 ext 21728; [sitiaminah@hasil.gov.my](mailto:sitiaminah@hasil.gov.my));
- Suhaili bt Masnan (03-8313 8888 ext 21430; [suhaili@hasil.gov.my](mailto:suhaili@hasil.gov.my)); or
- Roziati bt Rasly (03-8313 8888 ext 21717; [roziati@hasil.gov.my](mailto:roziati@hasil.gov.my)).

Thank you.

**Kamala Mahlini and Zemilah bt Mohd Noor  
Co-Chairpersons  
Conveyancing Practice Committee**

Presiden  
Bar Council Malaysia  
Wisma Badan Peguam  
2 Leboh Pasar Besar  
50050 Kuala Lumpur

Tuan,

### **TAKSIRAN DUTI HARTA PESAKA MENURUT ENAKMEN DUTI HARTA PESAKA 1941**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagai makluman, duti harta pesaka (DHP) adalah dikenakan ke atas nilai harta yang akan berpindah milik kepada pentadbir harta pesaka atau waris disebabkan oleh kematian pemilik harta tersebut. DHP dikenakan ke atas:

- (a) semua harta alih dan tak alih si mati yang terletak di Malaysia tanpa mengambil kira sama ada si mati berdomisil di Malaysia ataupun tidak; dan
- (b) semua harta alih si mati yang terletak di luar Malaysia bagi si mati yang berdomisil di Malaysia pada masa kematiannya.

3. Pengenaan DHP bagi harta di Semenanjung Malaysia adalah dikendalikan di bawah Enakmen Duti Harta Pesaka 1941 (EDHP). Berkuat kuasa mulai 1 November 1991, DHP telah dimansuhkan menurut Akta Kewangan 1992 (Akta 476). Walau bagaimanapun, merujuk kepada Seksyen 46(2) Akta 476, pemansuhan undang-undang tersebut tidak menjejaskan penguatkuasaannya terhadap orang yang meninggal dunia sebelum 1 November 1991.

4. Sehubungan dengan itu, DHP masih dikenakan terhadap harta pesaka si mati yang meninggal dunia sebelum 1 November 1991. Bagi tujuan mentadbir harta pesaka si mati yang meninggal dunia sebelum 1 November 1991, pentadbir dikehendaki untuk mendapatkan Sijil Perakuan Bayaran / Sijil Perkecualian Bayaran DHP (Borang 12) daripada Pemungut Duti Harta Pesaka. Menurut seksyen 45(i) EDHP, Mahkamah Tinggi tidak akan mengeluarkan Surat Kuasa Mentadbir atau *Grant of Probate* tanpa Borang 12 yang dikeluarkan oleh Pemungut DHP.

5. Untuk makluman pihak tuan Pentadbiran DHP di Semenanjung Malaysia dikendalikan oleh Bahagian Duti Setem/Duti Harta Pesaka/CKHT, Jabatan Dasar Percukaian, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Sehubungan dengan itu, semua permohonan Borang 12 hendaklah dikemukakan ke alamat berikut :

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Jabatan Dasar Percukaian  
Aras 17, Menara Hasil Cyberjaya  
Persiaran Rimba Permai  
Cyber 8, 63000 Cyberjaya  
Selangor.

6. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berhubung DHP, tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- i) Pn. Siti Aminah binti Ismail  
03 - 8313 8888 samb. 21728  
[sitiaminah@hasil.gov.my](mailto:sitiaminah@hasil.gov.my)
- ii) Pn Suhaili binti Masnan  
03-83138888 samb. 21430  
[suhaili@hasil.gov.my](mailto:suhaili@hasil.gov.my)
- iii) Pn. Roziati binti Rasly  
03 - 8313 8888 samb. 21717  
[roziati@hasil.gov.my](mailto:roziati@hasil.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah

  
(HISHAMUDIN BIN MOHAMED)

Pengarah

Jabatan Dasar Percukaian

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia